

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**TARIKH : 24 OKT 2017**

**RUJUKAN : 10265**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perancangan terkini pihak Kementerian bagi menangani isu keganasan, militan dan jenayah rentas sempadan dalam menjamin keharmonian Negara.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha mengambil tindakan penguatkuasaan bagi memastikan negara ini bebas daripada perkara-perkara yang boleh menggugat keselamatan. Mengambil kira insiden yang telah berlaku pada 28 Jun 2016 di Puchong serta beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di serata dunia kini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah drastik bagi meningkatkan tahap keselamatan negara. Antaranya meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara.

Kawalan keselamatan dilaksanakan dengan menggunakan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu menerusi kerjasama antara PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapi dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan pelancong terhadap tahap keselamatan negara.

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk kawalan di sepanjang sempadan negara bagi memastikan tiada elemen jenayah mahupun keganasan dapat dikekang daripada menembusi sempadan negara.

**Kerajaan dari semasa ke semasa terus mengkaji untuk menambah baik undang-undang negara supaya selari dengan perkembangan semasa dan undang-undang seperti Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 dapat dikuatkuasakan sebaiknya.**

**Selain itu, kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh kumpulan pengganas Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi kumpulan pengganas Daesh daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini.**